



**PARLIMEN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR**

**KENYATAAN MEDIA**

**Perjumpaan Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa Dan  
Perdagangan Antarabangsa Bersama Duta - Duta Besar Negara  
Gulf Cooperation Council (GCC)**

Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat pada hari ini, (Khamis, 7 Mei 2026) telah mengadakan perjumpaan bersama Duta – Duta Besar Negara Gulf Cooperation Council (GCC) di Parlimen Malaysia.

Perjumpaan secara bilateral ini dihadiri oleh YB Subang, YB Puncak Borneo, YB Kubang Pasu, YB Balik Pulau, YB Ipoh Timor, YB Bukit Bendera, YB Sri Gading, YB Machang dan YB Kampar. Perjumpaan dua hala bersama Duta – Duta GCC melibatkan enam orang Duta Besar; Duta Besar Bahrain, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu, Qatar, Oman dan Arab Saudi membincangkan situasi terkini di Asia Barat.

Sesi perjumpaan tersebut merupakan salah satu inisiatif negara GCC dalam memberikan maklumat berhubung keadaan geopolitik yang sedang berlaku di Asia Barat yang secara langsung melibatkan negara GCC secara khususnya. Jawatankuasa ini menyambut baik usaha yang telah dilakukan dalam meningkatkan pengetahuan dan kefahaman Jawatankuasa berkaitan hubungan multilateral antara negara GCC dalam menghadapi situasi terkini di Asia Barat.

Jawatankuasa menyatakan pendirian Malaysia agar kepentingan keselamatan dan keamanan global terus dipelihara selaras dengan undang-undang antarabangsa yang

telah digariskan. Jawatankuasa juga sepakat bahawa kebolehpercayaan bagi sesuatu maklumat khususnya bagi isu Asia Barat ini perlu diteliti dengan lebih mendalam agar penilaian yang lebih komprehensif dapat dilakukan. Penilaian maklumat sebenar secara tepat dilihat menjadi satu cabaran dalam era digital ini dimana lambakan maklumat mudah diperolehi, diakses dan dibanjiri dengan berita yang sukar ditentukan kesahihannya.

Susulan daripada sesi dialog bersama Duta - Duta Besar Negara GCC ini, Jawatankuasa ini dapat menyimpulkan bahawa terdapat keperluan mendesak agar satu sidang khas Dewan Rakyat diadakan dalam kadar segera dan selewat-lewatnya pada awal bulan Jun 2026 agar perkara mustahak ini dapat dibahaskan dan dibincangkan secara terbuka. Keperluan ini berlandaskan kepentingan awam serta impak yang Malaysia terima daripada konflik di Asia Barat ini daripada pelbagai aspek seperti ekonomi, hubungan luar dan sosial. Jawatankuasa ini komited dalam memainkan peranan semak dan imbang kepada Parlimen bagi perkara-perkara di bawah tanggungjawabnya.

**- TAMAT -**